

Kesan Riwayat *Asbab al-Nuzul* yang *Da'if* dalam Tafsir Nurul Ihsan

Mohd Nazri bin Ahmad¹ & Mohd Faizulamri bin Mohd Saad¹

Email: nazri_m@ukm.edu.my, faizam@ukm.edu.my

¹Pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

Abstrak

Tafsir Nurul Ihsan merupakan Tafsir Bahasa Melayu lengkap pertama yang dihasilkan oleh ulama Malaysia iaitu Muhammad Sa'id bin Umar yang dilahirkan pada tahun 1275h/1854m di Kampung Kuar, Jerlun, Kedah Darul Aman. Riwayat *Asbab al-Nuzul* telah mendominasi sebahagian kecil daripada tafsir ini. Riwayat-riwayat yang dikemukakan adalah data yang ditransformasi oleh penulis daripada hadith-hadith dan kitab-kitab tafsir yang tidak dijelaskan sumber pengambilan dan kedudukan serta tiada kritikan. Hasil kajian mendapati Muhammad Sa'id hanya merujuk dua kitab sahaja dalam menukikan riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* iaitu *Tafsir al-Jalalayn* dan *al-Futuhat al-Ilahiyyah* atau lebih dikenali dengan *Hashiyah al-Jamal*. Kajian ini juga mendapati terdapat 174 riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul*, 68 daripadanya adalah sahih dan 106 adalah *da'if*. Implikasi daripada kajian mendapati riwayat-riwayat *Asbab al-Nuzul* yang *da'if* memberi kesan negatif terhadap pembaca dan juga kredibiliti tafsir ini sebagai rujukan utama bagi para pelajar dan masyarakat dan mengurangkan keautoritiannya untuk dijadikan rujukan terhadap riwayat-riwayat yang lain.

Kata kunci: *Tafsir Bahasa Melayu, Muhammad Sa'id bin Umar, Riwayat Asbab al-Nuzul*

Abstract

Tafsir Nur Al-Ihsan is the first full Koranic exegesis produced by Malaysian scholar namely, Muhammad Sa'id bin Umar, who was born in 1275h/1854m in the village of Kuar, Jerlun, Kedah Darul Aman. The narrations of *Asbab al-Nuzul* have dominated a small part of this Koranic exegesis. Therefore, a study to verify *Asbab al-Nuzul* in this Koranic exegesis should be done because the narrations were quoted by the author from prophetic *hadiths* and several book of Koranic exegesis without mentioning the sources and with no criticism. The study found that Muhammad Sa'id referred only two books while quoting the narrations of *Asbab al-Nuzul*; firstly *Tafsir al-Jalalayn* and secondly *al-Futuhat al-Ilahiyyah* which is well known as *Hashiyah al-Jamal*. The study also found that there were 174 narrations of *Asbab al-Nuzul*; 68 of them are authentic and 106 are weak. The implication of the study is the weak narrations of *Asbab al-Nuzul* affect the credibility of this Koranic exegesis as a main reference for the students and the community, and reducing its authority to be the main reference to other narrations.

Keywords: *the first full Koranic exegesis, Muhammad Sa'id bin Umar, Riwayat Asbab al-Nuzul*

1. Pengenalan

Al-Qur'an diturunkan oleh Allah kepada manusia sebagai pertunjuk kepada jalan kebenaran. Di dalam al-Qur'an terdapat panduan bagi asas kehidupan manusia bermula daripada ibadat, *mu'amalat*, *munakahat*, *jinayat* dan urusan pentadbiran Negara. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap muslim untuk memahami al-Qur'an. Tidak mungkin seorang muslim itu mengamalkan al-Qur'an tanpa memahaminya. Antara elemen terpenting dalam memahami dan mentafsirkan al-Qur'an ialah pengetahuan mengenai sebab-sebab turun al-Qur'an.

Perlu difahami, bukan kesemua ayat-ayat al-Qur'an diturunkan bersebab. Bahkan kebanyakan ayat-ayat al-Qur'an diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w tanpa sebab

atau peristiwa yang berlaku. *Asbab al-Nuzul* berkait rapat dengan peristiwa yang berlaku ketika hayat Rasulullah s.a.w atau pertanyaan para sahabat r.a. Perasaan ingin tahu para Sahabat r.a tentang hukum terhadap sesuatu masalah, telah mendorong mereka untuk bertanya Rasulullah s.a.w. Lalu al-Qur'an diturunkan untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut.

2. Definisi *Asbab al-Nuzul*

Asbab al-Nuzul adalah ungkapan yang tersusun daripada dua perkataan iaitu “*Sabab*” dan “*Nuzul*”. Untuk mendefinisikannya dari sudut bahasa, ia perlu didefinisikan satu persatu. *Al-Sabab* dari sudut bahasa: Kalimah “*al-Sabab*” dari sudut bahasa membawa kepada beberapa pengertian iaitu:

- Tali, sesuatu yang boleh menyampaikannya kepada orang lain (al-Fayruz Abadi, 2005: 75).
- Jalan. Contohnya: “ومالي إليه سبب”, maksudnya: Aku tidak ada jalan untuk menuju kepadanya. (Al-Zamakhshari 1998, 1: 206)
- Kadang-kadang perkataan “*al-Sabab*” digunakan dengan makna *majazi* membawa maksud: Sesuatu yang boleh menghubungkan seseorang kepada orang lain (al-Fayruz Abadi 2005: 75). Contohnya Firman Allah:

إِذْ تَبَرَّأَ الَّذِينَ اتُّبِعُوا مِنَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا وَرَأَوُا الْعَذَابَ وَتَقَطَّعَتْ بِهِمُ الْأَسْبَابُ ﴿١٦٦﴾

(Al-Qur'an, al-Baqarah, 2: 166)

Maksudnya: (Iaitu) ketika ketua-ketua yang menjadi ikutan itu berlepas diri dari orang-orang yang mengikutnya, sedang kedua-dua pihak melihat betapa ngerinya azab seksa itu, dan (ketika) terputusnya segala hubungan di antara mereka.

- Penggunaan makna *majazi* juga bermaksud hidup (al-Fayruz Abadi 2005: 75).

Makna “*al-Nuzul*” dari sudut Bahasa: *al-Nuzul* dari segi bahasa bermakna “*al-Hulul*” iaitu singgah. (Al-Fayruz Abadiy. 2005. 171). Contohnya firman Allah:

فَإِذَا نَزَلَ بِسَاحَتِهِمْ فَسَاءَ صَبَاحُ الْمُنْذَرِينَ ﴿١٧٧﴾

(Al-Qur'an, al-Saffat, 37: 177)

Maksudnya: Kerana apabila azab itu turun dalam daerah dan kawasan mereka, sudah tentu buruklah hari orang-orang yang tidak mengindahkan amaran yang telah diberikan.

Ia juga membawa maksud “*Inhidar*”. Iaitu turun daripada atas ke bawah (Ibn Manzur, 5: 656).

Definisi *Asbab al-Nuzul* dari sudut istilah: Imam al-Sayuti (2002: 8) mendefinisikan *Asbab al-Nuzul* sebagai “berlakunya suatu peristiwa yang menyebabkan turunnya ayat al-Qur'an pada hari berlakunya sesuatu peristiwa itu”. Al-Sayuti (2002: 8) mengaitkan ungkapan “أيام وقوعه” yang bermaksud pada hari berlakunya sesuatu peristiwa untuk mengecualikan apa yang disebut oleh al-Wahidi dalam tafsiran Surah al-Fil. Al-Wahidi (2003: 370) menjelaskan bahawa sebab turun ayat tersebut ialah tentera bergajah datang untuk meruntuhkan ka'bah. Sedangkan kisah ini bukan

menjadi sebab bagi turun surah al-Fil, tetapi menceritakan apa yang telah berlaku (al-Sayutiyy 2002: 8)

al-Zurqani (t.th. 1: 106-108) mendefinisikannya sebagai “Turunnya satu ayat atau beberapa ayat al-Qur’an yang memperkatakan tentang sesuatu isu atau menjelaskan hukumnya pada hari berlaku sesuatu peristiwa”. Ungkapan “pada hari berlaku sesuatu peristiwa” perlu diletakkan di dalam definisi *Asbab al-Nuzul* untuk mengecualikan ayat-ayat al-Qur’an yang diturunkan tanpa sebab. Contohnya ayat-ayat yang memperkatakan tentang perkara-perkara yang telah berlaku seperti kisah umat-umat terdahulu atau perkara yang akan berlaku seperti gambaran suasana hari Qiamat.

Subhi Salih (1977: 132) pula mendefinisikan *Asbab al-Nuzul* sebagai: Mengetahui perkara atau peristiwa yang menjadi salah satu komponen bagi sebab turunnya sesuatu ayat al-Qur’an atau jawapan atau penjelasan tentang hukum pada hari berlakunya peristiwa tersebut.

3. *Asbab al-Nuzul* dalam Tafsir Nurul Ihsan

Di dalam Tafsir Nurul Ihsan terdapat 174 riwayat *Asbab al-Nuzul* yang dinukil oleh pengarangnya Haji Muhammad Sa’id bin Umar. Daripada jumlah tersebut, 106 daripadanya adalah *da’if* dan 68 adalah *sahih*. Persoalannya, adakah penulis secara sengaja memasukan hadith-hadith *da’if* ke dalam kitabnya atau beliau tidak ada maklumat tentang status hadith-hadith berkenaan? Jawapan secara tepatnya hanya ada pada penulis. Secara kajiannya, boleh dikatakan bahawa beliau hanya menukilkan maklumat daripada dua buah kitab induk yang menjadi rujukannya iaitu *Tafsir al-Jalalayn* dan *al-Futuh al-Ilahiyyah* atau lebih dikenali dengan *Hashiyah al-Jamal ‘ala al-Jalalayn*. Adakah tindakan penulis ini boleh dianggap sebagai satu kesalahan dan mencemarkan amanah ilmiah? Sebahagian *mufasssir* beranggapan bahawa maklumat-maklumat yang diambil daripada *Israiliyyat* dan hadith-hadith *da’if* adalah memberi manfaat bagi menjelaskan sesuatu yang tidak diperincikan di dalam al-Qur’an. Untuk menjelaskan kedudukan riwayat-riwayat *da’if* tersebut, mereka serahkan kepada pengkritik-pengkritik yang selepas mereka. Tujuan mereka mengemukakan riwayat-riwayat *da’if* ini hanya sekadar menyampaikan maklumat, bukan untuk dijadikan pegangan. Oleh itu, *mufasssirun* tidak boleh dipersalahkan selagi mereka bertujuan demikian. Sulaiman bin ‘Abd al-Qawi al-Tufi memohon maaf bagi pihak *mufasssirun* yang memenuhi kitab-kitab tafsir mereka dengan *Israiliyyat* dan hadith-hadith *da’if*. Ia beranggapan, tujuan mereka adalah seperti yang telah dijelaskan tadi. Beliau mengumpamakan *mufasssirun* seperti orang yang berusaha mengumpulkan sebanyak mungkin hadith. Namun tugas mengklasifikasikan hadith-hadith tersebut diserahkan kepada pengkritik era seterusnya (al-Kauthari T.th.: 40). Husain al-Dhahabi (1989) tidak bersetuju dengan kelonggaran yang diberikan oleh ulama ke atas *mufasssirun* ini. Beliau berpendapat, kemaafan boleh diberikan sekiranya *mufasssirun* meriwayatkan kisah *Israiliyyat* dan hadith-hadith *da’if* disertai dengan sanad yang lengkap dan orang yang berinteraksi dengan kitab-kitab mereka mampu membezakan antara riwayat-riwayat yang *sahih* dan *batil*. Tetapi, seandainya riwayat-riwayat yang dikemukakan dibuang sanadnya dan kebanyakan mereka yang berinteraksi dengan kitab-kitab tafsir tersebut tidak mampu membuat penilaian, mereka ini seolah-olah menabur duri di jalan-jalan yang hendak dilalui oleh penggemar-penggemar tafsir untuk menuju ke arah penghayatan makna-makna al-Qur’an.

4. Definisi Hadith *Da’if*

Hadith *da’if* ialah hadith yang tidak memenuhi sifat-sifat hadith yang diterima, kebanyakan ulama mendefinisikan hadith *da’if* sebagai hadith yang tidak memenuhi syarat hadith *sahih* dan *hasan* (Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib 1989: 337). Ulama terbahagi kepada tiga mazhab tentang hukum beramal dengan hadith *da’if*:

a. Mazhab pertama: Tidak boleh beramal secara mutlak sama ada *fada’il al-a’mal* dan hukum.

Pendapat ini dinukilkan oleh Ibn Sayyid al-Nas daripada Yahya bin Ma'in. Abu Bakr bin al-'Arabi juga sependapat. Zahirnya, ini merupakan pendapat Imam al-Bukhari dan Muslim dan mazhab Ibn Hazm.

- b. Mazhab kedua: Harus beramal dengan hadith *da'if* secara mutlak, pendapat ini disandarkan kepada Abu Dawud dan Imam Ahmad. Mereka berdua berpendapat hadith *da'if* lebih kuat daripada pendapat seseorang.
- c. Mazhab ketiga: harus beramal dengan hadith *da'if* berkaitan *fada'il al-a'mal* dan *mawa'iz* apabila memenuhi kriteria berikut:

Pertama: Tidak terlalu *da'if*. Maka syarat ini mengecualikan hadith yang ditinggalkan periwayatannya kerana pendusta dan ditohmah dengan dusta serta mereka yang terlalu banyak kesilapan dalam periwayatan hadith.

Kedua: Masih dalam lingkungan *usul al-shari'at*.

Ketiga: Tidak menganggap bahawa amalan itu sesuatu yang *thabit*, bahkan ia hanya sesuatu yang *ihtiyati*.

Kesimpulannya: Mazhab pertama lebih rajih. Terlalu banyak hadith-hadith sahih berkaitan *fada'il al-a'mal*, *al-Tarhib* dan *al-Tarhib*. Masyarakat tidak perlu bersusah payah mencari riwayat-riwayat yang *da'if* untuk diamalkan dalam masalah ini, sedangkan lembaran-lembaran kitab hadith dipenuhi dengan hadith-hadith sahih. Perlu ditekankan bahawa masalah *fada'il al-a'mal* dan *makarim al-akhlaq* adalah tunjang agama yang tidak berbeza dengan hukum halal dan haram. Jika hukum halal dan haram memerlukan hadith sahih, begitu juga *fada'il al-a'mal* dan *makarim al-akhlaq*, ia juga memerlukan hadith sahih. Maka adalah satu kewajipan untuk memastikan kesemua itu dirujuk kepada hadith sahih.

5. Implikasi Riwayat-Riwayat *Asbab al-Nuzul* yang *Da'if* di Dalam Tafsir Nurul Ihsan

Riwayat *Asbab al-Nuzul* yang *da'if* atau *mawdu'* boleh mencetuskan kesan-kesan negatif seperti berikut:

Pertama: Tohmahan Nifaq Terhadap Sahabat Tha'labah bin Hatib al-Ansari r.a.

Kisah Tha'labah bin Hatib merupakan kisah yang diaplikasikan dalam tafsiran ayat 75 surah al-Tawbah. Para *mufasssirun* menjadikannya sebagai penjelasan *asbab al-nuzul* terhadap ayat ini, iaitu firman Allah Taala;

﴿ وَمِنْهُمْ مَّنْ عَاهَدَ اللَّهَ لَئِنِ آتَيْنَاهُم مِّنْ فَضْلِهِ لَنَصَّدَّقَنَّ وَلَنَكُونَنَّ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴾

(Al-Qur'an, al-Taubah: 9: 75)

Maksudnya: Dan diantara mereka ada yang telah membuat janji kepada Allah (dengan berkata): Sesungguhnya jika Allah memberikan kepada kami dari limpah kurniaNya, tentulah kami akan bersedekah, dan tentulah kami akan menjadi dari orang-orang yang salih.

Muhammad Sa'id (1391, 2: 162) menjadikan riwayat ini sebagai sebab turun ayat di dalam tafsirnya seperti berikut: Iaitu Tha'labah bin Hatib Ansari adalah ia melazim masjid bersama Rasulullah sampai digelar dengan "Hamamah al-Masjid" burung merpati masjid. Kemudian lihat akan dia oleh Nabi bersegera keluar daripada masjid lepas sembahyang. Maka sabdanya: Apa kerana engkau berbuat perangai orang munafiq? Sembahnya: "Hamba fakir, tiada kain hanya sehelai itulah sahaja, hamba dengan isteri. Hamba balik cepat supaya isteri hamba sembahyang pula. Maka doakan Allah ya Rasulullah! Luas rezeki hamba. Maka sabda Rasulullah: Kasihan engkau hai Tha'labah! Sedikit engkau syukur terlebih baik daripada banyak yang tiada engkau

berkuasa peliharanya. Maka kemudian daripada itu, datang pula, sembahnya: Doakan Allah ya Rasulullah! Rezeki hamba, maka sabdanya: “Tiadakah bagi engkau ikutan padaku”. Kemudian datang pula, sembahnya: “Ya Rasulullah! Doakan Allah rezeki akan daku harta, demi Tuhan yang bangkit akan dikau dengan sebenar, jika rezeki akan daku Allah, nescaya aku beri tiap-tiap empunya hak itu akan haknya. Maka mendoa Rasulullah dengan katanya: “Hai Tuhanku! Rezeki Tha’labah harta. Maka bela ia kambing. Maka betapa ia seperti ulat. Maka sempit Madinah dengan kambingnya. Maka keluar ia ke padang. Adalah ia sembahyang serta Nabi zuhur dan asar sahaja, lain sembahyang di kambingnya. Kemudian banyak kambingnya, berjauh ia dari Madinah, tiada hadir sembahyang jama’ah, hanya jumaat sahaja. Kemudian bertambah banyak kambingnya, berjauh lagi dari Madinah dan tiada hadir jama’ah dan Juma’at. Apabila hari Juma’at, keluar tanya khabar sahaja. Maka teringat Rasulullah satu hari pada Tha’labah, sabdanya: (ما فعل ثعلبة) apa buat Tha’labah? Maka kata sahabat-sahabat: Ia bela kambing tiada celus Madinah. Sabdanya: (يا ويح ثعلبة) kasihan Tha’labah -3 kali – maka turun Allah hukum zakat. Maka sabda Rasulullah: Suruh dua lelaki pergi menghimpun zakat serta dengan surat Nabi menyatakan umur kambing dan unta yang hendak diambil zakat itu. Maka sabdanya: Kamu ikut Tha’labah. Maka pergilah kedua itu kepada Tha’labah minta zakat serta baca surat Rasulullah. Maka kata Tha’labah: Tiada ini melainkan jizyah atau saudara jizyah, pergilah dahulu! Selesai balik mari, maka terdengar pada Salmi laki daripada Bani Sulaim, maka pilih ia daripada yang sebaik-baik untanya diasingkan dia dan dibawa kepada keduanya, maka kata kedua: Tiada ini atas engkau, maka katanya: Ambillah! Hati saya suka, maka pergi kedua kepada manusia lain-lain, kemudian balik kepada Tha’labah, katanya: Tiada ini melainkan jizyah atau saudara jizyah, pergilah! Aku hendak fikir. Maka tatkala sampai kedua pada Rasulullah, sebelum berkata-kata, sabda Rasulullah: (يا ويح ثعلبة) 3x – kemudian berkhbar kedua akan kelakuan Tha’labah dan Salmi itu, maka doa Rasulullah bagi Salmi itu dengan kebaikan, maka turun.

i. Sanad-sanad hadith tentang Tha’labah

Hadith-hadith tentang Tha’labah diriwayatkan melalui tiga jalur sanad berikut;

Riwayat Pertama: daripada jalur keluarga ‘Atiyyah al-‘Awfi. Kedudukan mereka menurut penilaian ulama *al-Jarh wa al-Ta’dil* adalah seperti berikut;

- a. Muhammad bin Sa’d bin Muhammad bin al-Hasan bin ‘Atiyyah bin Sa’d bin Janadah atau Abu Ja’far al-‘Awfi. Beliau dihukum *da’if* oleh al-Khatib (al-Dhahabi 1995, 2: 584)
- b. Al-Husayn bin al-Hasan bin ‘Atiyyah Abu ‘Abdullah al-‘Awfi. Al-Imam Yahya bin Ma’in ketika ditanya; “Adakah kamu menulis riwayat daripada Husayn”? Jawab Yahya ibn Ma’in; “Tidak”. Ibn al-Junayd, al-‘Uqayli dan Ibn ‘Adiy menukulkan daripada Yahya Ibn Ma’in mengatakan bahawa Husain bin al-Hasan adalah *da’if*. (Al-‘Asqalani 1986, 2: 278; al-Haithami 1412, 7: 345)
- c. ‘Atiyyah bin Sa’d bin Janadah al-‘Awfi. Imam Ahmad ibn Hanbal berkata: *Da’if al-Hadith* (al-‘Asqalani 1997, 2: 24). Ibn Hibban mengkritik beliau dengan mengatakan bahawa beliau sengaja *mentadliskan* Hadith. Tambahnya lagi; Tidak halal berhujah dan menulis hadithnya kecuali disebabkan hairan dan pelik dengan sikapnya (al-Dhahabi 1995, 3: 79). Al-Nasai berkata: *Da’if* (al-‘Uqaili 1404, 3: 359). Ibn Sa’d berkata: Beliau adalah seorang yang *thiqah* - Insya Allah. Dia mempunyai hadith-hadith yang baik dan diterima. Ada diantara mereka yang tidak berhujah dengan hadithnya (al-Dhahabi 1995, 3: 79). Al-Hafiz Ibn Hajar berkata: Beliau *Saduq* dalam hadith tetapi banyak silap dan *mentadliskan* hadith. (al-‘Asqalani 1997, 7: 224)

Kesimpulannya, hadith yang diriwayatkan dengan sanad yang pertama ini adalah *da’if* kerana kesemua perawinya adalah *da’if*. Bahkan sebahagiannya terlalu *da’if*.

Riwayat Kedua daripada jalur Ma’an bin Rifa’ah daripada Yazid al-Alhani. Kedudukan mereka menurut penilaian ulama *al-Jarh wa al-Ta’dil* adalah seperti berikut;

- a. Ma’an bin Rifa’ah al-Sulami al-Dimashqi. ‘Ali bin al-Madini dan Duhaym menghukumnya

dengan *thiqah* (al-'Asqalani 1997, 4:10: 201). Abu Hatim al-Razi berkata: Hadithnya ditulis tetapi tidak dijadikan hujah (al-Dhahabi 1995, 4: 134). Al-Jawjazani berkata: Hadith beliau tidak dijadikan hujah. Ya'qub bin Sufyan berkata: *da'if* hadith. Ibnu 'Adiy berkata: Secara umum periwayatannya tidak ada *mutaba'ah*, al-'Uqayli mengketegorkannya dalam senarai perawi-perawi *da'if*, dinaqalkan juga bahawa Ibnu Ma'in menghukumnya sebagai *da'if* (Ibn al-Athir 1403, 6: 2329)

- b. 'Ali bin Yazid al-Alhani al-Shami. Al-Tirmidhi berkata: Beliau dipertikaikan oleh sebahagian ahli ilmu dan menghukumkannya dengan *da'if*. Al-Nasai berkata: Hadithnya ditinggalkan (al-'Asqalani 1997, 7: 396)

Kesimpulan sanad hadith ini yang terdiri daripada riwayat Abu Umamah al-Bahili, Ma'an bin Rifa'ah, 'Ali bin Yazid, al-Qasim bin 'Abd al-Rahman, dan al-Qasim meriwayatkan hadith ini secara tunggal daripada Abu Umamah, 'Ali bin Yazid pula meriwayatkan secara tunggal daripada al-Qasim dan Ma'an meriwayatkannya secara tunggal daripada 'Ali bin Yazid, maka hadith ini terlalu mungkar kerana penunggalan daripada perawi-perawi tersebut tidak diterima ('Addab Mahmud 1986: 73)

Riwayat Ketiga daripada jalur Ibn Humayd bin Hayyan daripada Salamah bin al-Fadl daripada Muhammad bin Ishaq daripada Amr bin Ubayd. Kedudukan mereka menurut penilaian ulama *al-Jarh wa al-Ta'dil* adalah seperti berikut:

- a. Ibn Humayd; Nama beliau Muhammad bin Humayd bin Hayyan-Abu 'Abdullah- al-Razi al-Hafiz. al-Bukhari mengatakan Ibn Humayd adalah perawi yang dipertikaikan. Abu Zar'ah tidak akan meriwayatkan hadith daripada Ibn Humayd (al-'Uqayli 1404h, 4: 61)
- b. 'Amru bin 'Ubayd bin Bab Abu 'Uthman al-Basri al-Mu'tazili al-Qadari. Yahya Ibn Ma'in berkata: Tidak dicatat hadithnya. Al-Imam al-Nasai berkata: Hadithnya ditinggalkan. Al-Daraqutniy berkata: *da'if*. Al-Hafiz Ibn Hajar berkata: Beliau mengajak manusia kepada bid'ahnya dan mendapat tohmahan daripada jamaah ulama (al-Dhahabi t.th., 3: 469)

Kesimpulannya apabila kita mengambil pendapat mereka yang *mutashaddid* tentang 'Amru bin 'Ubayd, maka hadith ini dihukumkan sebagai *mawdu'* yang telah dipalsukan oleh beliau keatas al-Hasan al-Basri. Berdasarkan riwayat-riwayat yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan bahawa kisah Tha'labah bin Hatib tidak *thabit* dengan hadith yang sahih. Kesemua riwayat tentang Tha'labah adalah *da'if* dan ada antaranya terlalu *da'if*.

ii. Pengakuan ulama *Muhaddithin* dan *Mufasssirin* tentang keda'ifan riwayat ini.

Perbincangan ulama *muhaddithin* dan *mufasssirin* yang telah memberi peringatan tentang kebatilan riwayat tentang Tha'labah ialah seperti berikut;

Al-Bayhaqi (1988, 5: 375) di dalam *Dalail al-Nubuwwah* berkata: Hadith Tha'labah ini merupakan hadith yang masyhur dalam kalangan *mufasssirin* dan diriwayatkan secara *mawsul* dengan sanad yang *da'if*.

Ibn Hazm (1352, 11: 208) di dalam kitabnya *al-Mu'halla*: Setelah mengemukakan hadith berkaitan Tha'labah ini, beliau mengkritik: Tidak syak lagi bahawa kisah ini adalah satu kebatilan. Allah S.W.T telah menyuruh Nabi s.a.w dan Khalifah-khalifah selepasnya supaya mengambil zakat daripada harta orang-orang Islam. Rasulullah s.a.w juga menegaskan bahawa baginda tidak akan membiarkan semenanjung Arab didiami selain daripada orang Islam. Seandainya Tha'labah bin Hatib kafir seperti yang fahami dalam riwayat-riwayat tersebut, sudah tentu beliau tidak dibenarkan menetap di Madinah. Oleh itu, Tha'labah bin Hatib adalah seorang Muslim dan Sahabat Rasulullah s.a.w yang telah menunaikan zakat kepada khalifah Abu Bakr dan Umar r.a.

Al-Haythami (1412h, 7: 107) di dalam *Majma' al-Zawa'id*: Selepas menyebut riwayat tentang Tha'labah, beliau berkata: Hadith ini dihukum *da'if* oleh al-Hafidh al-Dhahabi di dalam

Mizan al-I'tidal, al-Hafiz Ibn Hajar di dalam *Takhrij Ahadith al-Kashshaf* mengatakan sanad hadith ini *da'if jiddan*. Kisah ini telah dihukum batil oleh ulama *mutaqaddimin* dan *muta'akhhirin* sepaerti Ibn Hazm di dalam *al-Muhalla*, al-Qurtubi di dalam *Tafsir al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, al-'Iraqi di dalam *Takhrij Ahadith al-Ihya'* dan al-Suyuti di dalam *Asbab al-Nuzul*.

Al-Qurtubi (1988m. 4:133) di dalam Tafsirnya al-Jami' li Ahkam al-Qur'an: Setelah menyebut riwayat tersebut beliau mengkritik; Tha'labah ialah seorang sahabat yang pernah ikut serta dalam perang Badar dan merupakan seorang Ansar, keimanannya disaksikan oleh Allah dan Rasulnya. Oleh itu apa yang diriwayatkan berkaitan dengan Tha'labah adalah tidak *sahih*.

Al-Shaikh Rashid Rida (1990, 10:484) telah menyebut riwayat Tha'labah dalam tafsirnya secara lengkap. Lalu beliau mengkritik dengan berkata: Terdapat beberapa persoalan dalam hadith ini tentang sebab turun ayat (iaitu ayat 75 Surah al-Tawbah) persoalan juga timbul apabila taubat Tha'labah tidak diterima. Sedangkan berdasarkan zahir hadith, taubat Tha'labah adalah taubat yang sebenar kerana beliau menangis ketika bertaubat. Sepatutnya beliau dilayan seperti layanan secara zahir yang diberikan terhadap golongan *munafiqun*. Zahir hadith juga menjelaskan bahawa beliau mati dalam keadaan munafiq dan tidak bertaubat daripada sifat bakhilnya? Dan bahawasanya Nabi s.a.w dan khalifah-khalifahnyanya melayan beliau dengan layanan begitu (iaitu enggan menerima zakat Tha'labah), bukan dilayan berdasarkan zahir syari'at. Ini merupakan sesuatu yang tiada bandingan di dalam Islam.

Al-Hafiz Ibn Kathir (1988, 2: 357-358) telah meriwayatkan kisah Tha'labah seperti lafaz yang diriwayatkan al-Imam al-Tabrani tanpa membuat sebarang ulasan. al-Shaikh Nasir al-Din al-Albani (2001, 9: 81) berkata: Hadith Tha'labah ini telah diserapkan oleh Ibn Kathir ke dalam tafsirnya tanpa membuat ulasan. Namun beliau meriwayatkan hadith ini dengan *sanad* yang lengkap daripada Ma'an bin Rifa'ah. Ini adalah sebagai isyarat bahawa hadith ini *ma'lul*. Al-Shaikh Muhammad 'Ali al-Sabuni seolah-olah terperangkap dengan sikap Ibn Kathir ini. Beliau telah *mentashihkan* riwayat Tha'labah ini di dalam kitabnya *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir* kerana menyangka bahawa Ibn Kathir juga menghukum hadith ini sebagai *sahih*.

iii. Kecelaruhan riwayat tentang sebab turun ayat 75 Surah al-Tawbah

Terdapat kecelaruhan (اضطراب) tentang sebab turun ayat 75 surah al-Tawbah ini. Sebahagian riwayat mengatakan ayat ini diturunkan kepada Tha'labah bin Hatib. Ada juga yang mengatakan ayat ini diturunkan kepada Hatib bin Abi Balta'ah. Riwayat yang lain pula mengatakan ayat ini diturunkan kepada tiga lelaki munafiq iaitu; Nabtal bin al-Harith, Jadd bin Qays dan Mu'attib bin Qushayr (al-Qurtubi, 1988, 4:133). Kesemua riwayat-riwayat tersebut adalah *da'if* dan tidak boleh dijadikan hujah (Addab Mahmud al-Hamsh 1986: 85).

Kedua: Mencabul ke'ismahan Nabi s.a.w dalam kisah al-Gharaniq

Kisah ini berkaitan sebab turun ayat 52 Surah al-Hajj:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ وَلَا نَبِيٍّ إِلَّا إِذَا تَمَنَّى أَلْقَى الشَّيْطَانُ فِي أُمْنِيَّتِهِ فَيَنْسَخُ اللَّهُ مَا يُلْقِي الشَّيْطَانُ ثُمَّ يُخَكِّمُ اللَّهُ آيَاتِهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٢﴾

(Al-Qur'an. Al-Hajj: 52)

Maksudnya: Dan tidaklah Kami mengutuskan sebelumnya seorang Rasul atau seorang nabi melainkan apabila ia bercita-cita (supaya kaumnya beriman kepada agama Allah yang dibawanya), maka syaitan pun melemparkan hasutannya mengenai usaha Rasul atau nabi itu mencapai cita-citanya, oleh itu, Allah segera menghapuskan apa yang telah diganggu oleh syaitan, kemudian ia

menetapkan ayat-ayatNya dengan kukuhnya, dan Allah amat mengetahui lagi amat bijaksana.

i. Sebab Turun

Dan sungguh telah baca oleh Nabi s.a.w pada surah al-Najm di majlis Quraysh kemudian daripada: (أفرأيتم اللات والعزى ومناة الثالثة الأخرى) maka adakah kamu lihat akan al-Lat dan al-'Uzza dan Manat tiga ini nama asnam di Mekah. Disebut Allah dalam Qur'an pada surah al-Najm. Maka tatkala baca Rasulullah s.a.w akan ayat ini, dilontar syaitan perkataan pujian asnam itu (تلك الغرائيق العلاء وأن شفاعتهم) (لترجى) demikianlah burung-burung yang mulia-mulia dan shafa'at mereka itu diharap. Maka suka kafir-kafir kata Muhammad puji tuhan kita, maka mengkhobar oleh Jibra'il dengan lontar syaitan atas lidahnya yang demikian itu, maka dukacita Rasulullah, maka dipujuk dengan ini ayat (Muhammad Sa'id 1391, 3: 100)

ii. Pendapat ulama tentang kisah *al-Gharaniq*

Shaikh Muhammad Amin al-Shanqiti (1995, 5: 285-286) menyatakan: Anggapan kebanyakan *mufasssir*, bahawa syaitan mencampakan kata-katanya ke atas lidah Nabi s.a.w (jika benar berlaku) ia adalah satu syirik yang besar dan kekufuran yang nyata. Ini disebabkan kata-kata tersebut adalah pujian terhadap berhala iaitu: "Ini adalah merupakan *Gharaniq* yang maha tinggi. Dan sesungguhnya syafa'at-syafa'at mereka diharapkan". Tetapi mustahil ungkapan pujian terhadap berhala ini keluar daripada Nabi s.a.w kerana ayat surah al-Najm yang selepas itu mencela berhala mereka iaitu:

أَلَكُمُ الذِّكْرُ وَلَهُ الْأُنثَىٰ ﴿١١﴾ تِلْكَ إِذًا قِسْمَةٌ ضِيزَىٰ ﴿١٢﴾ إِنَّ هِيَ إِلَّا أَسْمَاءُ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَءَابَاؤُكُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَانٍ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَمَا تَهْوَى الْأَنْفُسُ وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مِّن رَّبِّهِمْ أَهْدَىٰ ﴿١٣﴾

(Al-Qur'an. al-Najm, 53: 21-23)

Maksudnya: Patutkah kamu membahagi untuk diri kamu sendiri anak lelaki (yang kamu sukai), dan untuk Allah anak perempuan (yang kamu benci)? Pembahagian yang demikian, sudah tentu suatu pembahagian yang tidak adil. Benda-benda yang kamu sembah itu tidak lain hanyalah nama-nama yang kamu dan datuk nenek kamu menamakannya. Allah sekali-kali menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya. mereka yang berbuat demikian, tidak menurut melainkan sangkaan-sangkaan dan apa yang diinginkan oleh hawa nafsunya. padahal demi sesungguhnya telah datang kepada mereka petunjuk dari Tuhan mereka.

Ia juga mustahil berlaku terhadap Nabi s.a.w kerana ayat-ayat di dalam al-Qur'an menegaskan bahawa syaitan tidak diberi sedikit pun kekuasaan untuk mengelirukan dan mencampur adukan sesuatu yang disampaikan oleh Nabi s.a.w:

إِنَّ عِبَادِي لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَانٌ إِلَّا مَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْغَاوِينَ ﴿١٤﴾

(Al-Qur'an, al-Hijr, 15: 42)

Maksudnya: "Sesungguhnya hamba-hambaKu, tidaklah ada bagimu sebarang Kuasa untuk menyesatkan mereka, kecuali sesiapa yang menurutmu dari orang-orang yang sesat (dengan pilihannya sendiri).

وَمَا كَانَ لَهُ عَلَيْهِمْ مِنْ سُلْطَانٍ إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَأْتِيهِمْ بِالْآخِرَةِ مِمَّنْ هُوَ مِنْهَا فِي شَكٍّ وَرَبُّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَفِيظٌ

(Al-Qur'an, Saba', 34: 21)

Maksudnya: Dan sememangnya tiadalah bagi iblis sebarang kuasa untuk menyesatkan mereka, melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar beriman kepada hari akhirat dan siapa pula yang ragu-ragu terhadapnya. Dan (ingatlah) Tuhanmu sentiasa mengawal serta mengawasi tiap-tiap sesuatu.

وَقَالَ الشَّيْطَانُ لَمَّا قُضِيَ الْأَمْرُ إِنَّ اللَّهَ وَعَدَكُمْ وَعَدَ الْحَقُّ وَوَعَدْتُكُمْ فَأَخْلَفْتُكُمْ وَمَا كَانَ لِي عَلَيْكُمْ مِنْ سُلْطَانٍ إِلَّا أَنْ دَعَوْتُكُمْ فَاسْتَجَبْتُمْ لِي فَلَا تَلُومُونِي وَلُومُوا أَنْفُسَكُمْ مَا أَنَا بِمُصْرِخِكُمْ وَمَا أَنْتُمْ بِمُصْرِخِيَّ إِنِّي كَفَرْتُ بِمَا أَشْرَكْتُمُونِ مِنْ قَبْلُ إِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٢﴾

(Al-Qur'an, Ibrahim, 14: 22)

Maksudnya: Dan berkatalah pula syaitan setelah selesai perkara itu: "Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku telah menjanjikan kamu lalu aku mungkir janji itu kepada kamu; dan tiadalah bagiku sebarang alasan dan kuasa mempengaruhi kamu selain daripada aku telah mengajak kamu lalu kamu terburu-buru menurut ajakanku itu; maka janganlah kamu salahkan daku tetapi salahkan diri kamu sendiri. Aku tidak dapat menyelamatkan kamu dan kamu juga tidak dapat menyelamatkan daku. Sesungguhnya dari dahulu lagi aku telah kufur ingkarkan (perintah Tuhan) yang kamu sekutukan daku denganNya". Sesungguhnya orang-orang yang zalim (yang meletakkan sesuatu pada bukan tempatnya) beroleh azab yang tidak terperi sakitnya.

Di antara ayat-ayat yang menunjukkan bahawa mustahil Nabi mengungkapkan perkataan yang dilontarkan oleh syaitan terhadapnya ialah:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ﴿٣٤﴾ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ﴿٣٥﴾

(Al-Qur'an, al-Najm, 53: 3-4)

Maksudnya: Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

هَلْ أَنْتُمْ عَلَىٰ مَنْ نَزَّلَ الشَّيْطَانُ ﴿٢٢١﴾ تَنْزِيلٌ عَلَىٰ كُلِّ آفَاكٍ أَثِيمٍ ﴿٢٢٢﴾

(Al-Qur'an, al-Shu'ara', 26: 221-222)

Maksudnya: Mahukah, Aku khabarkan kepada kamu, kepada siapakah syaitan-syaitan itu selalu turun? Mereka selalu turun kepada tiap-tiap pendusta yang berdosa.

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

(Al-Qur'an, al-Hijr, 15: 9)

Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِالذِّكْرِ لَمَّا جَاءَهُمْ وَإِنَّهُ لَكِتَابٌ عَزِيزٌ ﴿٤١﴾ لَا يَأْتِيهِ الْبَطْلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾

(Al-Qur'an, Fussilat, 41: 41-42)

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar terhadap Al-Quran ketika sampainya kepada mereka, (akan ditimpa azab seksa yang tidak terperi); sedang al-Quran itu, demi sesungguhnya sebuah Kitab suci yang tidak dapat ditandingi, yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan seginya; ia diturunkan dari Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji.

Sesungguhnya, masalah *al-Gharaniq* dengan kedudukannya yang mustahil dari segi syara' dan juga dalil-dalil al-Qur'an yang menunjukkan kebatilannya, ia merupakan sesuatu yang tidak *thabit* dengan nas yang berautoriti dan boleh dijadikan sebagai hujah. Ramai ulama-ulama hadith yang menafikan kebenaran kisah ini. Dalam kalangan *mufasssir*, ramai yang meriwayatkan kisah ini daripada Ibn 'Abbas melalui jalur al-Kalbi daripada Abu Salih. Adalah sesuatu yang maklum, al-Kalbi adalah perawi *matruk*.

Wahbah al-Zuhayli (1422, 2: 1656) berkata: Tidak mungkin akal waras akan menerima atau manusia yang normal akan percaya bahawa syaitan boleh mempengaruhi wahyu Allah. Kerana Allah amat berkuasa terhadap sesuatu. Ia akan menghancurkan setiap pendustaan dan menutupi setiap kepalsuan. Seandainya harus berlaku demikian, nescaya hilanglah kepercayaan terhadap syari'at Allah, dan terbatallah hukum-hukum dan syari'at. Kerana ketika itu sudah tiada beza lagi antara maklumat yang bersumberkan wahyu yang telah dikurangkan atau resapan-resapan yang kurang sihat telah dimasukkan

Ibn Kathir (1988, 3: 222) berkata: banyak dalam kalangan *mufasssir* menyebut kisah *al-Gharaniq* dan kembalinya sahabat-sahabat yang berhijrah ke Habshah kerana menyangka musyrikin Mekah telah memeluk Islam. Tetapi semua jalur riwayat tersebut *mursal*. Tidak ada satupun hadith yang diriwayatkan secara *sahih*.

Al-Shaukani (1983, 3: 426) berkata: Tidak ada satu pun yang *sahih* tentang kisah ini, dan tidak *thabit* dengan apa jalan sekalipun. Dalil-dalil al-Qur'an telah menjelaskan bahawa Nabi s.a.w tidak akan menghampiri perbuatan menyeleweng, apatah lagi melakukan penyelewengan. Ini dapat dilihat di dalam ayat-ayat berikut:

وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضَ الْأَقَاوِيلِ ﴿٤٤﴾ لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِالْيَمِينِ ﴿٤٥﴾ ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ

(Al-Qur'an, al-Haqqah, 69: 44-46)

Maksudnya: Dan kalaulah (Nabi Muhammad yang menyampaikan Al-Quran itu) mengatakan atas

nama Kami secara dusta - sebarang kata-kata rekaan, - Sudah tentu Kami akan menyentapnya, dengan kekuasaan kami, - Kemudian sudah tentu Kami akan memutuskan tali jantungnya (supaya ia mati dengan serta-merta);

وَلَوْلَا أَنْ تَبَيَّنْتَكَ لَقَدْ كِدْتَ تَرْكَنُ إِلَيْهِمْ شَيْئًا قَلِيلًا ﴿٧٤﴾ إِذَا لَا أَذَقْنَاكَ ضَعْفَ الْحَيَاةِ وَضَعْفَ الْمَمَاتِ ثُمَّ لَا تَجِدُ لَكَ عَلَيْنَا نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

(Al-Qur'an, al-Isra', 17: 74-75)

Maksudnya: Dan kalaulah tidak Kami menetapkan engkau (berpegang teguh kepada kebenaran), tentulah engkau sudah mendekati dengan menyetujui sedikit kepada kehendak mereka. Jika (engkau melakukan yang) demikian, tentulah Kami akan merasakanmu kesengsaraan yang berganda semasa hidup dan kesengsaraan yang berganda juga semasa mati; kemudian engkau tidak beroleh seseorang penolong pun terhadap hukuman kami.

Al-Bazzar berkata: Kami tidak tahu tentang hadith ini diriwayatkan daripada Nabi s.a.w dengan sanad yang bersambung. Al-Bayhaqi berkata: Kisah ini tidak *thabit* secara riwayat yang *sahih*, kesemua perawi kisah ini ditohmah. Ibn Khuzaymah pula menegaskan: Kisah ini merupakan rekaan golongan zindiq (anti Islam).

Imam Fakhr al-Razi (1990, 12: 44) juga menukilkan pendapat ulama' seperti al-Shaukani di atas. Disamping itu beliau menambah; Imam al-Bukhari meriwayatkan di dalam *Sahihnya* bahawa Nabi s.a.w membaca Surah al-Najm dan semua muslimun, mushrikun, manusia dan jin sujud, tetapi tidak pun menyebut tentang *al-Gharaniq*. Hadith ini diriwayatkan dengan berbagai jalur tetapi tidak ada satu pun yang menyebut tentang kisah *al-Gharaniq*. Sesiapa yang beranggapan bahawa harus Nabi s.a.w mengagungkan berhala, sesungguhnya ia kufur kerana merupakan sesuatu yang *daruriy* bahawa tugas utama Nabi s.a.w ialah menghapuskan berhala. Selain dari itu, Nabi s.a.w ketika awal dakwahnya sentiasa menunaikan sembahyang secara rahsia supaya tidak diketahui oleh orang-orang mushrik kerana bimbang bacaannya didengari oleh mereka dan mereka akan menyakitinya. Bagaimana mungkin dalam kisah ini menceritakan bahawa Nabi mengumpulkan orang-orang Islam dan mushrik bersama-sama untuk mendengar bacaannya.

Al-Qurtubi (1988, 6: 55) di dalam tafsirnya berkata: al-Qadi 'Iyad menegaskan di dalam *al-Shifa*: Umat Islam bersepakat mengatakan bahawa Nabi s.a.w terpelihara daripada menyampaikan kepada umatnya sesuatu yang tidak diperintahkan kepadanya, sama ada secara sengaja, lupa dan tersilap. Adapun berkaitan hadith *al-Gharaniq*; ia tidak diriwayatkan oleh Imam-imam al-Sahih, dan tidak juga diriwayatkan dengan sanad yang sejahtera, bersambung dan *thiqah*. Ia hanyalah menjadi pegangan *mufasssir*, ahli-ahli sejarah yang akan memasukkan kesemua fakta tanpa mengira *sahih* atau *da'if*. Abu Bakr al-Bazzar berkata: Kami tidak tahu hadith ini diriwayatkan daripada Nabi s.a.w dengan *sanad* yang bersambung dan harus diriwayatkannya kecuali hadith yang diriwayatkan oleh Shu'bah daripada Abu Bishr daripada Sa'id bin Jubayr daripada Ibn 'Abbas – kalau tak silap aku.

iii. Kisah sebenar di sebalik ayat Surah al-Najm

Terdapat hadith sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhari berkaitan kisah Surah al-Najm:

عن ابن عباس رضي الله عنهما قال سجد النبي صلى الله عليه وسلم بالنجم وسجد معه المسلمون والمشركون والجن والإنس

(Al-Bukhari 1986, 8: 480, no. Hadith: 4862)

Maksudnya: Daripada Ibn 'Abbas r.a berkata: Nabi s.a.w sujud dengan Surah al-Najm dan seluruh orang Islam, musyrikun, manusia dan jin sujud bersamanya.

Dalam hadith al-Bukhari ini menjelaskan bahawa orang-orang Islam, mushrik, manusia dan jin sujud apabila Nabi s.a.w sujud ketika membaca Surah al-Najm tanpa mengaitkannya dengan kisah *al-Gharaniq*.

6. Kesimpulan

Al-Imam Muslim berkata di dalam Muqadimah kitab Sahihnya: “Ketahuilah! Mudah-mudahan kamu diberi tawfiq oleh Allah. Sesungguhnya setiap muslim berkewajipan mengetahui perbezaan antara riwayat-riwayat yang *sahih* dan *da'if*, dan perawi-perawi yang *thiqah* dan yang ditohmah. Adalah haram ke atasnya meriwayatkan sesuatu hadith kecuali setelah ia mengetahui kesahihan sumbernya dan tutupan-tutupan yang terdapat pada perawinya. Hendaklah ia menjauhi periwayatan daripada perawi-perawi yang ditohmah dan pelaku-pelaku bid'ah yang tegar (Muslim t.th, 1: 7). Oleh itu, setiap orang muslim perlu berhati-hati dalam menerima sesuatu riwayat terutamanya yang mencemarkan ke'*ismahan* para Nabi dan mempertikaikan kewibawaan para sahabat Nabi.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim

'Abdullah bin Muhammad Basmeih. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Ctk-12. 1995. Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur.

Abd al-Majid al-Shaikh Abd al-Bari. 1426H/2006M. Cet 1. *Al-Riwayat al-Tafsiriyyah fi Fath al-Bari*. Maktabah al-Madinah.

Abd al-Rahman bin Ali bin Muhammad bin al-Jauziy. 1406H. *Al-Du'afa' wa al-Matrukin*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Alusi, Abu al-Fadl Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud. *Ruh al-Ma'aniy fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Mathaniy*. Cet.1, 1405h/1985m. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, Bayrut Lubnan.

al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1415H/1995M. Cet 2. *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah*. Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tauzi' Riyad.

Al-Albani, Abu 'Abd al-Rahman Muhammad Nasir al-Din bin Nuh Najatiy bin Adam. *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Maudu'ah wa Atharuha al-Sayyi' fi al-Ummah*. Cet-1, 1425h. Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tauzi'.

al-Asbahani, Abu Nu'aim Ahmad bin Abdullah. 1405H. Cet 4. *Hulyah al-Auliya' wa Tabaqat al-Asfiya'*. Dar al-Kutub al-Arabiyy, Bairut.

Al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar. 1406H/1986M. *Taqrib al-Tahdhib*. Dar al-Rashid.

Al-Asqalani, Ahmad bin Hajar Abu al-Fadl. *Lisan al-Mizan*. Ctk-3, 1406h/1986m. Muassasah al-'Alamiyy li al-Matbu'ah, Bairut.

Al-Baghawi, Abu al-Qasim 'Abdullah bin Muhammad bin 'Abd al-'Aziz bin Marzuban bin Sabur bin Shahanshah. *Mu'jam al-Sahabah*. Cet.1, 1421h/2000m. Tahqiq: Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Jakniy. Maktabah Dar al-Bayan al-Kuwait.

Al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain bin 'Ali bin Musa Abu Bakr al-Baihaqiy. *Al-Sunan al-Kubra*. 1414h/1994m. Tahqiq: Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata. Maktabah Dar al-Baz, Makkah al-Mukarramah.

Al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husain bin Ali. 1344H. Cet 1. *Al-Sunan al-Kubra*. Majlis Da'irah al-Ma'arif al-Nizamiyyah al-Kainah fi al-Hind.

- al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad. 1995M. *Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Bairut, Lubnan.
- al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin Uthman. T.th. *Al-Mughni fi al-Du'afa'*. Dar al-Fikr.
- Al-Daraqutni, Abu al-Hasan 'Ali bin 'Umar bin Ahmad bin Mahdi bin Mas'ud bin Nu'man bin Dinar al-Baghdadiy. *Ilal al-Daraqutniy*. Ctk-1, 1405h/1985m. Tahqiq: Mahfuz al-Rahman Zain Allah al-Salafiy. Dar al-Tayyibah. Riyad.
- Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. *Al-Mughniy fi al-Du'afa'*. Cet.1, 1405h/1985m. Dar al-Ma'arif Riyad.
- Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. *Tadhkirah al-Huffaz*. Cet.1. 1419h/1998m. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Bairut. Lubnan.
- Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. *Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal*. T.th. Dar al-Ma'rifah. Bairut.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. *Ihya' Ulum al-Din*. Cet.1, 1406h/1986m. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Bairut, Lubnan.
- al-Haithami, Nur al-Din Ali bin Abu Bakr. 1412H. *Majma' al-Zawaid wa Manba' al-Fawaid*. Dar al-Fikr Bairut.
- Al-Haithami, Nur al-Din 'Ali bin Abu Bakr bin 'Umar Abu al-Hasan. *Majma' al-Zawaid wa Manba' al-Fawa'id*. 1967. Dar al-Fikr. Bayrut.
- Al-Hanzali, Al-Imam Ishaq bin Ibrahim bin Makhlad bin Rahawaih. 1412H/1991M. Cet 1. *Musnad Ishaq bin Rahawaih*. Maktabah al-Madinah al-Munawwarah.
- Ibn Abi Hatim, Abu Muhammad 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Idris al-Raziyy al-Hanzaliy. *Tafsir Ibn Abi Hatim*. T.th. Al-Maktabah al-'Asriyyah. Saida.
- Ibn al-Athir, 'Iz al-Din Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin 'Abd al-Karim al-Jazariy. *Usd al-Ghabah fi Ma'rifah al-Sahabah*. T.th. Dar al-Fikr.
- Ibn al-Athir, 'Iz al-Din Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin 'Abd al-Karim al-Jazariy. *Al-Kamil fi al-Tarikh*. Cet.4. 1403h. Dar al-Kitab al-'Arabiyy. Bairut.
- Ibn Hazm al-Andalusi, Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id. *Jamharah Ansab al-'Arab*. Cet.3, 1424h/1983m. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Bairut, Lubnan.
- Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il bin Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Cet.1, 1408h/1988m. Dar al-Hadith. Al-Qahirah.
- Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban bin Ahmad Abu Hatim al-Tamimiyy al-Bastiy. *Al-Thiqat*. Cet.1, 1395h/1985m. Dar al-Fikr.
- Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban bin Ahmad Abu Hatim al-Tamimiyy al-Bastiy. *Kitab al-Majruhin min al-Muhaddithin*. 1396h. Dar al-Wa'y Halb.
- Ibn Sa'd, Muhammad bin Sa'd bin Mani' al-Zuhriy al-Basriy. *Al-Tabaqat al-Kubra*. T.th. Dar Bairut.
- Ibn Taimiyyah, Taqiy al-Din Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Abd al-Halim bin Taimiyyah. *Majmu' Fatawa*. Cet.3. 1426h/2005m. Tahqiq: Anwar al-Baz. Dar al-Wafa.
- Al-'Iraqi, Zain al-Din Abu al-Fadl 'Abd al-Rahim bin al-Husain. *Al-Mughniy 'an Himl al-Asfar fi al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ahya' min al-Akhbar*. Cet.1, 1408h/1988m. Dar al-Hadith, al-Qahirah.
- Jawiah Dakir, Mazlan Ibrahim dan Mohd Najib Abdul Kadir. 2009. Cet 1. *Pengenalan Tokoh dan Kitab-kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara*. Penerbit UKM
- Muhammad Sa'id bin Umar. 1391. Cet.3. *Tafsir Nur al-Ihsan*. Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdiy wa Auladih.
- Muslim, Al-Imam Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushairiy al-Naisaburiy. *Sahih Muslim*. T.th. Dar Ihya' al-Turath.

- Mustaffa Abdullah. 2009. Cet.1. *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Akademi Pengajian Islam U.M.
- al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansariy. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* 1408/1988. Cet-1. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bairut. Lubnan.
- Al-Razi, Abu Muhammad Abd al-Rahman bin Abi Hatim. T.th. *Tafsir Ibn Abi Hatim*. Al-Maktabah al-Asriyyah.
- al-Shaybani, Al-Imam Ahmad bin Hanbal. 1420H/1999M. Cet 2. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Muassasah al-Risalah.
- Sulaiman bin Umar al-Ujailiy al-Shafi'e. t.th. *Al-Futuhat al-Ilahiyyah bi Tawdih Tafsir al-Jalalayn li al-Daqa'iq al-Khafiyyah*. Dar al-Fikr.
- al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abu Bakr. t.th. *Al-Lala'I al-Masnu'ah fi Ahadith al-Maudu'ah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. 1405H/1984M. *Jami' al-Bayan An Ta'wil Ayi al-Qur'an*. Dar al-Fikr.
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari. *Jam' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Qur'an*. 1405h/1984m. Dar al-Fikr, Bairut. Lubnan.
- al-Tabrani, Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub Abu al-Qasim. 1404H/1983M. Cet 2. *Al-Mu'jam al-Saghir*. Maktabah al-Ulum wa al-Hikam.
- Al-'Uqayli, Abu Ja'far Muhammad bin °Amr bin Musa al-Makki. *Kitab al-Du'afa' al-Kabir*. 1404h. Tahqiq: 'Abd al-Mu'tiy Qal'ajiy. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Bairut, Lubnan.
- al-Wahidi, Abu al-Hasan Ali bin Ahmad bin Muhammad bin Ali. *Asbab Nuzul al-Qur'an*, Tahqiq: Kamal Bisuniy Zaghlul, 1411H, cet-1. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bairut.
- al-Wahidi, Abu al-Hasan Ali bin Ahmad bin Muhammad bin Ali. *Taqrib al-Tahdhib*. T.th. Da'irah al-Ma'arif al-Nizamiyyah, India.